

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN BUKU-BUKU PERUBATAN DAN PERGIGIAN
Lokasi : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Tarikh : 16-12-1983

Tuan Pengerusi Majlis; Y.B. Datuk Haji Hassan Ahmad, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka;
Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin yang saya hormati.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih atas penghormatan yang diberikan kepada saya untuk melancarkan penerbitan empat buah buku baru. Buku-buku ini merupakan kumpulan pertama buku perubatan peringkat pengajian tinggi yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

2. Sebagaimana yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, proses penukaran bahasa pengantar yang dimulakan di peringkat sekolah rendah pada tahun 1968 telah mencapai puncaknya pada tahun ini, apabila pengajian semua mata pelajaran di kelima-lima universiti kita menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Seperti dalam bidang-bidang kehidupan yang lain, proses pelaksanaan penukaran bahasa pengantar dalam pendidikan ini juga, mengalami berbagai rintangan dan masalah. Akan tetapi berkat kerajinan dan ketabahan semua pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan, semua rintangan dan masalah itu telah dapat diatasi dengan jayanya.

3. Keraguan dan kebimbangan oleh setengah-setengah pihak, bahawa penukaran bahasa pengantar ini akan menjatuhkan mutu pelajaran kita, telah tidak berlaku. Bidang pengajaran dan pembelajaran kita, bukan sahaja terus berkembang dengan pesatnya, sesuai dengan semangat dan matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan, tetapi juga kita dapat terus menyediakan kemudahan pendidikan dengan seluas-luasnya kepada rakyat tanpa menjejaskan kelicinan pentadbiran dan mutu ilmu pengetahuan. Maka pada kesempatan yang baik ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka khususnya, dan kepada semua pihak -- daripada pegawai yang serendah-rendah hingga ke yang setinggi-tingginya, daripada para guru hinggalah kepada para pegawai dan penulis, editor serta penerbit buku -- atas sumbangan dan dedikasi mereka terhadap pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan kita.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Penerbitan buku-buku teks, buku-buku bacaan dan rujukan untuk peringkat sekolah rendah dan menengah, boleh dikatakan tidak menjadi persoalan lagi. Yang penting sekarang hanyalah usaha untuk mempertingkatkan lagi mutu buku-buku untuk peringkat-peringkat yang tersebut. Akan tetapi dengan sampainya pelaksanaan bahasa pengantar ke peringkat pengajian tinggi, tugas para penulis dan penerbit buku bagi kegunaan peringkat universiti, menjadi lebih mendesak dan lebih mencabar. Tugas ini amat berat dan memerlukan tenaga, waktu, pemikiran dan kewangan yang lebih banyak. Namun saya yakin, dengan semangat, kerjasama dan ketabahan semua pihak yang terlibat, tugas ini pun akan dapat kita laksanakan.

5. Saya diberitahu oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka, sambutan daripada para penulis dan penterjemah buku pengajian tinggi, khususnya dari para pensyarah universiti, amatlah menggalakkan. Sungguhpun sebahagian daripada manuskrip-manuskrip itu, menurut pertimbangan Dewan, belum mencapai mutu penulisan atau penterjemahan yang diharapkan, namun minat dan kesungguhan yang telah ditunjukkan oleh para penulis dan penterjemah ini amatlah menggalakkan. Oleh itu saya berpendapat, tugas seterusnya yang perlu dilaksanakan oleh Dewan ialah menjalankan dengan lebih giat lagi usaha untuk membina penulis-penulis dan penterjemah-penterjemah ini dan mempertingkatkan kemampuan editor-editor Dewan sendiri, supaya penulisan, penterjemahan dan proses penerbitan buku-buku untuk pengajian tinggi dapat dibuat dengan lebih cepat dan lebih sempurna.

6. Sesungguhnya, dalam bidang penerbitan buku-buku pengajian tinggi ini, harapan kita adalah tertumpu kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Penerbit-penerbit swasta tidak cukup berkemampuan dan tidak begitu bersedia masuk ke bidang ini, oleh kerana biayanya sangat tinggi. Oleh itu Dewan patutlah menumpukan sepenuh-penuh usaha dan dengan menggunakan apa juga cara yang mungkin, supaya tuntutan dan keperluan buku untuk pengajian tinggi dapat dipenuhi secepat yang mungkin. Masa depan para mahasiswa kita sangat banyak bergantung kepada kemampuan dan kesungguhan Dewan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Empat buah buku yang dilancarkan pada hari ini, iaitu dua buah karya asli dan dua buah karya terjemahan, adalah bukti yang nyata bahawa para penulis dan penterjemah dari universiti memang mempunyai kemampuan dan kesungguhan. Lebih-lebih lagi kedua-dua penulis buku asli ini adalah terdiri daripada pensyarah bukan Melayu. Oleh itu saya memberikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Madya Dr. K.E. Lim yang telah menghasilkan buku PANDUAN BAKTERIOLOGI KLINIKAL dan Prof. Madya Dr. Vijayamma Thomas yang telah menghasilkan buku PARASITOLOGI PERUBATAN. Dr. Vijayamma Thomas, sungguhpun menulis bukunya dalam bahasa Inggeris, tetapi telah memberikan kerjasama yang erat kepada editor-editor Dewan, sehingga buku ini dapat diterbitkan sebagai karya asli dalam Bahasa Malaysia. Dr. K.E. Lim telah menulis terus dalam Bahasa Malaysia. Ini sesungguhnya menjadi bukti, bahawa siapa juga mampu menulis dalam Bahasa Kebangsaan asalkan ada keinginan dan kesungguhan.

Setinggi-tinggi tahniah juga kepada Dr. Rahimah Kadir yang telah menterjemahkan buku MORFOLOGI GIGI: PANDUAN BERILUSTRASI dan Dr. Zubaidah Haji Abdul Rahim yang telah menterjemahkan buku KAWALAN KEAKTIFAN ENZIM.

8. Saya berharap, dan saya percaya harapan ini juga menjadi idaman seluruh rakyat, khususnya para pensyarah dan mahasiswa di peringkat universiti, supaya contoh yang telah dibuktikan oleh keempat-empat cendekiawan kita ini akan menjadi ikutan para pensyarah kita yang lain. Negara kita bukan sahaja kaya dengan sumber alam, tetapi juga kita mempunyai rakyat yang mampu untuk memberikan sumbangan ilmu pengetahuan bagi pembangunan bangsa dan negara. Sungguhpun kita belum cukup mempunyai pakar-pakar dalam berbagai bidang sains dan teknologi, namun jika kemampuan dan kepakaran yang ada sekarang ini, dapat kita pergunakan dengan sebaik-baiknya, saya yakin masa depan kita adalah terang dan gemilang.

9. Maka dengan harapan itu saya dengan sukacitanya melancarkan buku PANDUAN BAKTERIOLOGI

KLINIKAL oleh Dr. K.E. Lim, buku PARASITOLOGI PERUBATAN oleh Dr. Vijayamma Thomas, buku MORFOLOGI GIGI: PANDUAN BERILUSTRASI terjemahan Dr. Rahimah Kadir, dan akhirnya Buku KAWALAN KEAKTIFAN ENZIM terjemahan Dr. Zubaidah Haji Abdul Rahim.

Sekian, terima kasih.